

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 06 TAHUN 2018**

**Tarikh** : **27 Jun 2018 (Rabu)**

**Masa** : **10.00 pagi hingga 11.30 tengahari**

**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.06/2018. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Puan Yang Dipertua mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis MPSJ di atas komitmen, usahasama, kerja keras, sumbangan dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan di Majlis Perbandaran Subang Jaya. Tempoh perkhidmatan Ahli Majlis bagi sesi lantikan

2016 akan tamat pada akhir bulan Jun 2018. Semoga semua usahasama baik yang telah diberikan kepada pihak MPSJ serta kepada masyarakat khususnya akan mendapat ganjaran selayaknya.

- ii) Sehubungan dengan itu, sebagai tanda penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga, MPSJ akan melaksanakan Majllis Penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis MPSJ. Diharapkan juga, usahasama dan khidmat bakti ini akan terus disumbangkan serta dapat berkongsi pandangan profesional demi kesinambungan perkhidmatan perbandaran yang lebih efektif dan cemerlang.
- iii) Seterusnya, Puan Yang Dipertua memaklumkan mengenai program yang akan dilaksanakan pada bulan Jun/Julai 2018. Semua warga kerja MPSJ, Ahli-ahli Majlis dan pihak Media juga dijemput hadir bersama bagi memeriahkan Majlis yang akan diadakan seperti berikut:

a) Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPSJ Tahun 2018

**Tarikh** : **29 Jun 2018 (Jumaat)**  
**Masa** : **2.45 petang – 5.00 petang**  
**Lokasi** : **Lobi Utama, Aras 1**  
**Majlis Perbandaran Subang Jaya**

b) Anugerah Peniaga Contoh Bazar Ramadan Mampan MPSJ  
Tahun 2018

**Tarikh** : **29 Jun 2018 (Jumaat)**  
**Lokasi** : **Lobi Utama, Aras 1**  
**Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Anugerah Peniaga Contoh Bazar Ramadan Mampan MPSJ 2018 akan dilaksanakan bersekali dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPSJ 2018.

Program ini melibatkan seramai 15 orang peniaga Bazar Ramadan. Mereka telah terpilih untuk menerima anugerah mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut :

- i) Pematuhan Aspek Pelesenan & Kesihatan
- ii) Menjaga Kebersihan
- iii) Keceriaan / Kreativiti
- iv) Bebas Tindakan Penguatkuasaan
- v) Pelaksanaan Inisitif Hijau

Penilaian telah dilaksanakan oleh Ahli Majlis dan Pegawai Pelesenan. Peniaga yang berjaya akan menerima :

- i) Wang insentif sebanyak RM500.00
  - ii) Pengecualian bayaran Permit Bazar Ramadan Tahun 2019
  - iii) Keutamaan untuk memilih mana-mana petak berniaga di sebarang lokasi untuk Bazar Ramadan MPSJ Tahun 2019
  - iv) Sijil Penghargaan
  - v) Hamper dari penaja
- c) Rumah Terbuka Aidilfitri Jawatankuasa Penyelaras dan Penggerak Peniaga (J3P) MPSJ Tahun 2018

**Tarikh : 11 Julai 2018 (Rabu)**

**Lokasi : Dewan Serbaguna Puchong Indah**

**Masa : 11.00 Pagi – 3.00 Petang**

Program ini akan diuruskan dan ditaja sepenuhnya oleh pihak Jawatankuasa Penyelaras dan Penggerak Peniaga (J3P) MPSJ.

- iv) Puan Yang Dipertua memaklumkan mengenai pelaksanaan program-program yang telah berlangsung pada bulan Jun. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :
- Majlis Berbuka Puasa (Ihya Ramadan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat di Daerah Petaling Tahun 2018 pada 5 Jun 2018 bertempat di Masjid Al-Quddus, Taman Pinggiran Putra, Seri Kembangan.
  - Majlis Iftar Bersama Warga Kerja MPSJ Tahun 2018 pada 8 Jun 2018 bertempat di Laman Kenanga, MPSJ.
  - Program Rakan Masjid Imarah Ramadan 2018, Smartpartnership MPSJ dan Masjid / Surau pada 17 Mei sehingga 12 Jun 2018.
  - Operasi Bantuan Pemandaman Kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Taman Pinggiran Putra, Seri Kembangan pada 15 Jun sehingga 25 Jun 2018 bertempat di tapak pelupusan sampah, Taman Pinggiran Subang, Seri Kembangan.
  - Pengurusan Pemantauan Media Sepanjang Bulan Jun 2018 dari 1 Jun sehingga 25 Jun 2018.

**Makluman**

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 05/2018**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 31 Mei 2018 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

#### 4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

#### 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

##### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 5/2018 bertarikh 5 Jun 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2, m/s 4	Encik Chang Kim Loong	Kes Runtuhan Struktur Sri Ternak Mark (SK) Sdn. Bhd.	Beliau ingin mengetahui status terkini kes tersebut. Kenapa mengambil masa yang lama untuk mengfailkan kes ini.
2.		Encik Edwin Lim Hock Lee		Beliau ingin mengetahui apakah alasan terhadap perlanjutan masa bagi kes tersebut. <b>Maklum balas :</b> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Pengarah Undang-Undang menjelaskan MPSJ telah membuat pelantikan peguam dan peguam telah diarahkan untuk melaksanakan prosiding terhadap kes ini.</li><li>▪ Affidavit telah dikemukakan dan</li></ul>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>peguam akan membuat semakan terhadap dokumen-dokumen berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bagi perlanjutan masa, asas utama adalah jumlah tuntutan yang akan dituntut kepada MPSJ.</li> </ul> <p><b>Tindakan : Makluman</b></p>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 06/2018 bertarikh 5 Jun 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2018 bertarikh 6 Jun 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1.1, m/s 2	Encik Chang Kim Loong	Mayland Valiant Sdn. Bhd (MPSJ.260/26/626)	<p>Beliau ingin mengetahui status terkini kes tersebut.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengarah Undang-Undang menjelaskan</li> </ul>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>mahkamah telah menetapkan pada 11 Julai 2018 bagi pendengaran kes.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ MPSJ juga telah membuat pelantikan peguam kanan.</li> <li>▪ MPSJ telah memohon pandangan perundangan serta strategi peguam.</li> <li>▪ Satu perbincangan lanjut akan diadakan dan Encik Edwin Lim Hock Lee dan Encik Chang Kim Loong akan bersama sebagai penasihat.</li> </ul> <p><b>Tindakan : Makluman</b></p>
2.	Para 2.1.1, m/s 2	Encik Chia Yew Ken	Sime Darby Property (Subang) Sdn. Bhd. (324670-W) (MPSJ.JPB. BP1.600-1/1/27)	<p>Bagi keputusan minit : Oleh yang demikian, unjuran kemudahan awam perlu disediakan dan akan diintegrasikan dengan lot-lot lain milik Sime Darby.</p> <p>Beliau mencadangkan agar dicatatkan dengan tepat dalam minit berkenaan kemudahan awam yang dimaksudkan iaitu tempat letak kereta bertingkat untuk KTM dan LRT.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan pindaan minit akan dibuat dengan mencatatkan keperluan tempat letak kereta bertingkat di stesen KTM dan LRT disediakan bagi menampung keperluan semua lot-lot lain yang akan dibangunkan untuk komersial dan servis apartment.</p> <p><b>Tindakan : Urusetia Jawatan kuasa OSC</b></p>
3.	Para 3.1, m/s 4	Encik Chang Kim Loong	The Living Depot Holding Sdn. Bhd. (814549-P) (MPSJ.JPB. BP5.600-1/11/11)	<p>Beliau ingin penjelasan berkenaan tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan makluman keputusan mesyuarat. Adakah 30 hari bekerja atau 30 hari kalendar.</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua menyatakan maksud 30 hari adalah hari bekerja.</p> <p><b>Tindakan : Makluman</b></p>
4.	Para 3.2, m/s 5		Forever Cuisine Sdn. Bhd. (1242886-U)	<p>Beliau inginkan penjelasan berkenaan 30 hari daripada tarikh surat dikeluarkan. Beliau berpandangan perlu diselaraskan samada</p>



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>daripada tarikh surat diterima atau daripada tarikh surat dikeluarkan.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua menyatakan semua surat perlu diselaraskan kepada tarikh surat diterima. Tarikh penerimaan perlu direkodkan dengan jelas.</p> <p><b>Tindakan : Urusetia Jawatan kuasa OSC</b></p>
5.	Para 5.13, m/s 48		<p>1) Opes Land Sdn. Bhd. (PT 1789)</p> <p>2) Opes Properties Sdn. Bhd. (PT 1791)</p> <p>(Dahulu dikenali sebagai Aspek Analisa Sdn. Bhd)</p>	<p>Beliau inginkan penjelasan terhadap pernyataan Dahulu dikenali sebagai Aspek Analisa Sdn. Bhd. Adakah Opes Land Sdn.Bhd ataupun Opes properties Sdn. Bhd?</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta Urusetia Jawatankuasa OSC menyemak berkenaan perkara tersebut dan melaksanakan pembetulan dengan meletakkan pernyataan (Dahulu dikenali sebagai Aspek Analisa Sdn. Bhd)</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				di baris yang sama dengan nama syarikat yang berkenaan.  <b>Tindakan : Urusetia Jawatan kuasa OSC</b>

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 06/2018 bertarikh 7 Jun 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Bil. 04/2018 bertarikh 7 Jun 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 05/2018 bertarikh 21 Mei 2018**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan & Kawalan Perniagaan Bil. 06/2018 bertarikh 21 Jun 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

### 6.1 NOTIS USUL

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Wan Hock Leong, Ahli Majlis MPSJ. Setelah meneliti dan berbincang, pandangan ahli mesyuarat adalah seperti berikut :

BIL	AHLI MAJLIS	PANDANGAN / CADANGAN
1.	Encik Chang Kim Loong	<b>Pendapat : Setuju dengan usul</b> MPSJ perlu melaksanakan usul ini kepada kawasan perumahan, premis perniagaan / komersial dan kawasan industri.
2.	TPr. Hj. Jaber bin Ami	<b>Pendapat : Setuju dengan kajian lanjut</b> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ MPSJ perlu membuat Undang-Undang Kecil dengan mewajibkan premis perniagaan membersihkan hadapan kaki lima masing-masing.</li><li>▪ Perlu dibuat perbincangan lanjut bagi melihat dan mengkaji undang-undang sedia ada.</li></ul>
3.	Encik Tai Cheng Heng	MPSJ perlu meningkatkan kesedaran dan mendidik penduduk terhadap penjagaan alam sekitar dan

BIL	AHLI MAJLIS	PANDANGAN / CADANGAN
		pematuhan undang-undang.

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** secara dasar berhubung usul yang telah dibentangkan. Namun demikian, satu perbincangan terperinci hendaklah dijalankan, memandangkan ianya melibatkan beberapa perkara seperti keberkesanan undang-undang sedia ada, penguatkuasaan, pemantauan serta skop kerja kontraktor yang telah dilantik.

**Tindakan : Jabatan Pengurusan  
Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam**

## 7.0 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PARTI WHIP

Puan Yang Dipertua memberikan peluang kepada wakil-wakil Parti untuk menyampaikan ucapan sebagai tanda penghargaan sepanjang perkhidmatan mereka di Majlis Perbandaran Subang Jaya.

7.1.1 TPr. Hj. Jaber bin Ami telah menyampaikan ucapan mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Puan Yang Dipertua di atas kesudian memberikan peluang kepada Parti Whip dalam memberikan ucapan penangguhan dan beliau mewakili parti PKR dalam pengucapan ini.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertindak di barisan hadapan (*frontliners*) kepada sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, sudah pasti harapan masyarakat amatlah tinggi agar MPSJ dapat memberikan perkhidmatan perbandaran di tahap yang cemerlang.

Ahli-ahli Majlis turut sama berganding bahu dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada masyarakat.

Beliau mewakili ahli parti PKR memohon maaf dan mengucapkan selamat maju jaya kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya dan berdoa agar perpisahan ini dilindungi-Nya dan tergolong dalam kalangan mereka yang beriman. InsyaAllah, khidmat bakti yang telah diberikan selama ini akan diterima oleh Allah S.W.T. sebagai amal ibadah dan dianugerahkan ganjaran dunia dan akhirat.

7.1.2 Encik Pooi Weng Keong telah menyampaikan ucapan mewakili Parti DAP.

Beliau mewakili seluruh parti DAP merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Pihak Pengurusan dan seluruh warga kerja MPSJ di atas kerjasama yang telah diberikan.

MPSJ telah mencapai tahap prestasi yang tinggi dengan pengiktirafan sebagai PBT bertaraf 5 bintang yang pertama di Malaysia. Sebagai sebuah PBT yang memberikan perkhidmatan, kualiti kerja yang tinggi perlulah disasarkan agar mencapai kehendak pelanggan dan *stakeholder*.

MPSJ mampu mencapai tahap yang lebih cemerlang kerana mempunyai warga kerja yang sentiasa bersemangat, mempunyai budaya kerja positif, inovatif dan kreatif dalam melaksanakan tugas. Beliau mewakili ahli parti DAP memohon maaf di atas segala salah dan silap sepanjang berkhidmat di MPSJ.

7.1.3 Encik Edwin Lim Hock Lee telah menyampaikan ucapan mewakili NGO.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan, kerjasama dan komitmen yang telah diberikan sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Majlis di MPSJ. MPSJ sentiasa menitik beratkan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan untuk memenuhi aspirasi dan permintaan masyarakat setempat yang semakin mencabar serta dinamik pada masa kini.

Beliau percaya dengan komitmen dan usaha keras warga kerja MPSJ, banyak lagi kejayaan akan dikecapi di masa-masa akan datang. Semoga ahli-ahli Majlis yang baharu dilantik atau disambung perkhidmatan dapat menunaikan amanah serta tanggungjawab yang diberikan.

Beliau mewakili NGO memohon maaf kepada semua sekiranya terdapat kesilapan yang dilakukan dan berharap bekerjasama dapat diteruskan di masa-masa hadapan.

## **8.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Julai 2018** akan diadakan pada **31 Julai 2018 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 27 Jun 2018

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T**  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                                 | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha  |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis |
| 4.  | TPr. Hj. Jaberi bin Ami.  | - | "           |
| 5.  | Encik Edwin Lim Hock Lee  | - | "           |
| 6.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "           |
| 7.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "           |
| 8.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 9.  | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "           |
| 10. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A.  | - | "           |
| 11. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "           |
| 12. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | "           |
| 13. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 14. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli   | - | "           |
| 15. | Puan Kavitha a/p Chandragesen   | - | "           |
| 16. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu   | - | "           |



- |     |                               |   |   |
|-----|-------------------------------|---|---|
| 17. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 18. | Puan Wong Siew Ki             | - | " |

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                 |   |             |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong     | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Yap Kok Weng              | - | "           |
| 3. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | "           |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

8. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
16. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
17. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Encik Azfarizal bin Abd Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

21. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
22. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
23. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
24. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
25. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
26. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
27. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
28. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
29. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
31. Puan Asmidar bin Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

34. Cik Hasniza binti Husin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Puan Salwa binti Ab. Rahman  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
37. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
38. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
40. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
41. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
42. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
43. Cik Norzahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam
44. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam
45. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

46. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
47. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
48. Cik Roshaira binti Rosly  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
49. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
50. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Puan Nurul Aainaa Nabilah binti Roslan  
Penolong Pegawai Kanan, Jabatan Undang-Undang

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan